

ELEMEN KEROHANIAN MELALUI KEPIMPINAN ISLAM DALAM ORGANISASI PENDIDIKAN MENJANA PEMBANGUNAN UMMAH.

Siti Khadijah¹, Ahmad Marzuki, Dr.²

¹*Siti Khadijah Binti Hj. Mohd Zin*

ctzain7@gmail.com

²*Dr.Ahmad Marzuki Bin Mohammad*

amarzuki@utm.com


ABSTRAK

Spiritual (kerohanian) dalam kepimpinan Islam berperanan penting yang merangkumi implementasi amal ibadah disamping tugas yang dipertanggungjawabkan demi mencapai hala tuju organisasi yang cemerlang. Islam sangat menitik beratkan penerapan kerohanian dalam amalan kepimpinan khususnya dalam organisasi pendidikan Islam yang bertujuan untuk mendidik dan melahirkan modal insan yang bertaqwa kepada Allah SWT selain membimbing ahli organisasi. Penghayatan terhadap kerohanian berupaya memberi kesedaran terhadap seruan amar ma'aruf dan nahi munkar serta mendorong ahli organisasi meningkatkan motivasi diri disamping pengabdian diri kepada Allah SWT. Dalam kajian ini, didapati bahawa kepimpinan spiritual (kerohanian) mengandungi elemen ketuhanan, akal fikiran dan akhlak yang diterjemahkan berasaskan al-Quran dan as-sunnah serta sarjana Islam. Penerapan amalan kerohanian dalam kalangan pemimpin organisasi secara istiqamah (konsisten) berupaya membentuk keseimbangan dalaman dan luaran para pengikutnya disamping mempertingkatkan tahap motivasi dalam mengimplementasi tugas yang telah diamanahkan. Amalan kerohanian yang diterapkan berupaya memberi impak yang positif kepada pemimpin dan ahli organisasi sebagai usaha untuk menjana pembangunan ummah yang bertamadun disamping mengekalkan budaya Islam dalam kehidupan.

Keywords: kepimpinan Islam; spiritual; kerohanian; organisasi pendidikan.

PENGENALAN

Islam merupakan agama yang sentiasa menuntut umatnya supaya berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Matlamat yang ingin dicapai seharusnya melalui usaha-usaha yang merangkumi nilai-nilai Islam yang diterapkan menerusi amal ibadah umum dan khusus dalam kehidupan seharian. Menerusi amalan spiritual (kerohanian) yang diterapkan ke dalam diri manusia ia berperanan untuk membentuk sifat dalaman dan luaran yang dihubungkan melalui jiwa manusia yang luhur terhadap Allah SWT seperti yang dimaksudkan dalam ayat 85 surah al-Isra' iaitu :




“dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja”

Menerusi Ajmain (2012) menjelaskan perkaitan pelaksanaan amalan kerohanian dalam Islam dari dimensi zahir dan batin manusia berpotensi memberi kesan yang positif khususnya di bawah pengaruhnya iaitu individu itu sendiri seperti tahap keimanan, pelaksanaan amal ibadah dan cerminan perilaku akhlak yang ada pada dirinya selain memberi impak hingga ke luar kecaknaanya iaitu pelaksanaan syariat Islam yang melibatkan keluarga dan masyarakat sekeliling.

Kepimpinan Islam

Dalam konteks kepimpinan Islam, Nabi Muhammad SAW merupakan model kepimpinan yang paling sempurna dan terkenal dalam dunia kepimpinan. Oleh yang demikian, keunggulan kepimpinan baginda tidak hanya terbatas dalam masyarakat Islam sahaja namun baginda turut mendapat pengiktirafan dari serata pelusuk dunia bahkan ketokohnya dalam memimpin bukan sahaja dirasai oleh masyarakat Islam, malahan masyarakat bukan Islam turut mengagumi kepimpinan baginda (Muhd Akmal *et. al.*, 2015). Lantaran itu, kejayaan besar Nabi Muhammad SAW dalam memimpin amat dikagumi serta diteladani sebagai contoh terbaik didalam dunia kepimpinan Islam, bahkan baginda turut menjadi mercu tanda sejarah ketamadunan manusia sehingga ke masa kini (Azyati *et. al.*, 2013). Keunggulan kepimpinan yang dizahirkan oleh baginda Rasulullah SAW adalah berdasarkan empat sifat wajib bagi seorang rasul yang merangkumi sifat siddiq, amanah, tabligh dan fatanah (Fu’ad, 2006). Selain daripada itu, melalui kepimpinan baginda sentiasa menjaga etika dalam pergaulan disamping menerapkan amalan kerohanian serta disenangi dalam kalangan masyarakat (Shukeri, 2015). Akhlak dan amalan kerohanian yang diamalkan oleh baginda berperanan untuk memandu para sahabat serta pengikutnya dalam menyebarkan dakwah Islam. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al-Qalam 68:4 :



“dan Bahawa Sesungguhnya Engkau mempunyai akhlak Yang amat mulia”

Antara akhlak mulia yang diamalkan oleh baginda adalah dengan berlemah lembut dalam menutur kata dan setiap tindakan. Baginda juga sentiasa memberi nasihat dan dorongan untuk meningkatkan semangat sewaktu ingin berperang disamping sentiasa menzahirkan sifat belas kasihan terhadap orang lain. Sifat kasih sayang baginda juga dapat dilihat sebelum kewafatannya dengan menyampaikan wasiat kepada umatnya agar mengikuti segala perintah Allah SWT dan rasulnya. Keberkesanan kepimpinan baginda Rasulullah SAW terserlah apabila berjaya merangka strategi dan menggubal piagam Madinah yang akhirnya terbina sebuah negara berperlembagaan yang pertama di dunia. Oleh itu, dapat dijelaskan berdasarkan hakikat tersebut bahawa tugas

kepimpinan tidak lari dari seruan Allah SWT yang menghendaki hambanya mengabdikan diri sepenuhnya disamping mengimplementasikan tanggungjawab dengan seimbang iaitu menunaikan kewajipan duniawi dan ukhrawi (Ahmad Marzuki *et. al.*, 2012).

Dalam membangunkan sebuah organisasi dalam pendidikan Islam khususnya, kepimpinan guru besar memainkan peranan penting melalui penerapan amalan kerohanian terhadap ahli organisasinya disamping menelusuri sifat dan nilai kepimpinan Nabi Muhammad SAW sebagai *ulul amri* bagi masyarakat seluruh dunia (Kamarul Azmi, Tamuri, Hamzah, Izham, 2010). Pengelibatan hubungan di antara tuhan dan manusia menjadi tunjang utama dalam proses pembangunan sesebuah organisasi yang cemerlang disamping mencapai seruan *amar maaruf* dan *nahi munkar* sebagai mana yang telah diwahyukan (Zulkifli *et. al.*, 2009). Keutamaan yang seharusnya diberikan oleh pemimpin adalah menerusi penghayatan amalan rohani dalam kepimpinannya secara langsung atau tidak langsung yang bertujuan menerapkan ilmu tauhid terhadap ahli organisasi (Baharom, 2008).

Kepimpinan Spiritual (Kerohanian) Dalam Konteks Kepimpinan Organisasi

Takrifan spiritual membawa maksud kepada kerohanian. Menurut al-Ghazali, pengertian kerohanian adalah merujuk kepada empat elemen iaitu, al-ruh, al-qalb', al-'aql dan an-nafs. Keempat-empat elemen kerohanian ini saling berhubungan antara satu sama lain yang berkaitan dengan aspek dalaman diri manusia melalui pengamalan dan penghayatan agama (Suriani, 2016). Kepenghayatan agama secara istiqamah (konsisten) dalam amalan kerohanian yang mencakupi dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah Islam berupaya memberi kesan positif serta menambahkan tingkat keimanan dalam diri seseorang Zulkiple (2006). Penghayatan kerohanian dalam amalan kepimpinan memerlukan ciri-ciri yang berpaksikan ketuhanan dengan meletakkan keimanan sebagai tunjang utama dalam mencapai sesuatu matlamat dengan tidak mengabaikan antara keperluan kebendaan dan keperluan kemanusiaan (Ab.Mumin, 2006) . Oleh yang demikian, Islam sentiasa mengamalkan prinsip kepimpinan yang berteraskan al-quran dan sunnah dengan mengambil manfaat menerusi beberapa sifat kepimpinan bertauladan seperti keterbukaan, syura, keadilan, kebebasan bersuara, etika, kewibawaan, akhlak diri dan perhubungan (Suhana, 2016). Kenyataan ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Makhluk yang paling dicintai Allah adalah imam yang adil, dan yang paling dibenci Allah adalah imam yang zalim"

(Hadis riwayat Ahmad)

Pengaplikasian kepimpinan kerohanian dalam organisasi pendidikan berupaya memberi implikasi yang positif melalui dimensi pelaksanaan tugas ahli organisasi secara khusus (Rohana, 2013). Amalan kerohanian yang diterapkan melalui kepimpinan guru besar secara tidak langsung memandu ahli organisasi mengamalkan sifat positif dan nilai murni disamping mengimplementasikan

tugas yang telah diamanahkan. Disamping itu, kepimpinan kerohanian yang diterapkan berpotensi untuk menjana sifat merendah diri dan tawaduk diantara ahli organisasi yang lain ('Aidh 2010; Muh. Alwy 2002). Melalui sifat tersebut akan dapat melahirkan ahli organisasi yang saling hormat menghormati, tolong-menolong dan prihatin diantara satu sama lain demi mencapai hala tuju dan matlamat organisasi (Abd.Rahman, 2006). Oleh yang demikian, segala perubahan sifat dan sikap yang diterjemahkan merupakan impak daripada penghayatan amalan kerohanian yang telah sebatikan dalam jiwa malah setiap perbuatan yang dilakukan adalah berdasarkan ketakwaan kepada Allah SWT (Fadhillah, 2008).


Elemen Kerohanian

Kepimpinan yang bersifat proaktif adalah yang paling baik dengan pengimplementasian amalan kepimpinan secara berinovasi, berfikiran terbuka, berpandangan jauh, menjadi inspirasi dan berdaya maju dalam memandu ahli organisasinya (Husna, 2013). Sifat-sifat pemimpin tersebut merupakan lambang keberkesanan dari penghayatan amalan kerohanian dalam kepimpinan organisasi. Hal ini berhubungan dengan aspek yang menjadi asas kepada pembentukan jiwa manusia menerusi perkaitan *al-ruh*, *al-qalb*, *al-'aql* dan *an-nafs* (Muhamad Alihanafiah, 2011). Berdasarkan keempat-empat aspek kerohanian tersebut dapat diklasifikasikan di dalam konteks kepimpinan Islam kepada tiga elemen kerohanian iaitu ketuhanan, akal fikiran dan akhlak (Mohd Razi, 2016).

Ketuhanan

Keutamaan manusia di dunia sebagai khalifah adalah mengabdikan diri kepada Allah SWT dalam segala urusan sama ada menunaikan kewajipan ibadah umum mahupun ibadah khusus. Pengimplementasian ibadah secara istiqamah (konsisten) menerusi ketaatan diri kepada Allah SWT sebagai tuhan pemerintah segala makhluk seluruh alam. Pegangan agama yang teguh berpaksikan kepada ketauhidan seseorang melalui konsep tauhid yang merangkumi tiga prinsip utama iaitu keimanan (kepercayaan), ilmu (pengetahuan), dan amal (perbuatan) (Yusuf Al-Qardawi, 1993). Keteguhan iman memainkan peranan yang sangat penting kerana ia merujuk kepada kepercayaan seseorang di dalam hatinya tanpa perasaan syak wasangka atau ragu-ragu yang diterjemahkan menerusi akal fikiran seterusnya diimplementasikan melalui tingkah laku dan perbuatan dalam rutin kehidupan (Baharom, 2008). Penguatan akidah yang teguh berupaya membentuk keyakinan manusia berasaskan agama Islam dan kepercayaan kepada Allah SWT yang bertujuan menyelamatkan manusia dari lembah kemaksiatan dan kejahatan beragama dalam menjalani kehidupan (Arief Salleh, 2007). Kesempurnaan akidah bergantung kepada prinsip-prinsip ketuhanan yang menjadi tunjang kepada ketetapan hati manusia seterusnya mengimplementasikan amal ibadah tanpa memisahkan kepentingan dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 177:1 :





Maksudnya: “ bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan Segala malaikat, dan Segala kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang Yang terlantar Dalam perjalanan, dan kepada orang-orang Yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang Yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang Yang sabar Dalam masa kesempitan, dan Dalam masa kesakitan, dan juga Dalam masa bertempur Dalam perjuangan perang Sabil. orang-orang Yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang Yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang Yang bertaqwa”.

Perkaitan hubungan antara jiwa manusia dan kepercayaan akidah merupakan salah satu simbol ketaatan yang diterjemahkan menerusi amalan dalam kehidupan (Nurazmallail dan Azhar, 2010). Ketaatan manusia bergantung kepada peranan hati yang memandu manusia melakukan sesuatu perkara (Norul Huda, 2014). Keluhuran hati yang ikhlas dan sentiasa berharap akan keredhaan disisi Allah SWT semata-mata dalam apa sahaja perlakuan yang merupakan fungsi utama manusia dilahirkan ke dunia (Faridah, 2007). Untuk memperoleh ketetapan hati yang mantap, manusia hendaklah berusaha untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui perlakuan amal ibadah disamping mengimplementasi tugas dan rutin seharian . Hati manusia yang sentiasa berserah kepada Allah SWT dapat dilihat menerusi cara berfikir, menganalisis dan bentuk cetusan idea yang diluahkan melalui perkataan dan akhlak yang meliputi sifat-sifat mahmudah sebagaimana sabda Rasulullah SAW dan mafhumnya :

عَنْ أَبِي ذَرٍّ جُنْدُبِ بْنِ جُنَادَةَ وَأَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتُمْ، وَأَتَّبِعُوا السَّبِيلَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا، وَخَالِقُوا النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ.
[رواه الترمذي]

Maksudnya: Dari Abu Zar, Jundub bin Junadah dan Abu Abdurrahman, dan Mu'az bin Jabal radhiallahuanhuma dari Rasulullah SAW beliau bersabda: “Bertakwalah kepada Allah di mana saja kamu berada, iringilah keburukan dengan kebaikan yang dapat menghapusnya dan pergaulah manusia dengan akhlak yang baik”

Jelasnya, melihat dari dimensi kepemimpinan organisasi pendidikan Islam khususnya, pengamalan kerohanian yang diterapkan dalam kalangan pemimpin berpotensi menjana ahli organisasi menerusi pembangunan nilai akhlak yang mulia serta mewujudkan persekitaran yang harmoni selain berupaya melancarkan sistem pentadbiran secara sistematik dan berkesan (Ahmad Marzuki, 2013). Oleh yang demikian, kepimpinan kerohanian turut berupaya memberi implikasi dan potensi untuk menjana beberapa aspek yang meliputi pembangunan insan, pembangunan pengupayaan guru, pembangunan kejeleketan kumpulan, pembangunan budaya ilmu dan kaedah pengurusan program pengajaran di sekolah (Hailan, 2008).

Akal Fikiran


Allah SWT telah menganugerahkan manusia akal fikiran yang tidak ada pada makhluk yang lain. Keistimewaan ini dikurniakan melalui perasaan nikmat manakala hikmahnya dimanfaatkan ke arah kebaikan. Kemuliaan manusia terletak kepada akal dan ilmu pengetahuan yang diterjemahkan menerusi perlakuannya. Peranan akal dan ilmu sebagai fungsi utama bagi manusia memahami dan mengimplementasikan tatacara dan urusan dalam kehidupan. Penghuraian ke arah aspek-aspek pemikiran manusia telah wujud dalam pelbagai dimensi seperti mana yang telah diulang-ulang dalam ayat al-Quran menerusi surah-surah tertentu yang menghujah akan kepentingan bahawa manusia perlu berfikir dan dapat berfikir serta bergerak seiring diantara akal dan al-Quran dalam memperoleh ilmu yang bermanfaat (Sidek, 2004 ; Aminudin, 2009 ; Zaini dan Syed, 2010). Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 164 :

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ۚ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ۚ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٦٤﴾

“*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal Yang belayar di laut Dengan membawa benda-benda Yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan Yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-*

tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan Yang tunduk (kepada Kuasa Allah) terapung-apung di antara langit Dengan bumi; Sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum Yang (mahu) menggunakan akal fikiran.”

Allah SWT telah mewahyukan kitab al-Quran yang berfungsi sebagai pedoman hidup yang mencakupi pelbagai aspek ilmu kepada hambaNya. Kurniaan akal fikiran yang diberi kepada manusia turut berupaya menguasai berbagai-bagai ilmu pengetahuan (Muhd Nuri, 2015). Walaubagaimanapun, keupayaan akal fikiran manusia masih terbatas kerana tidak berupaya memikirkan perkara-perkara ghaib dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hari akhirat (Sidek, 2006). Oleh yang demikian, Rasulullah SAW diutuskan kepada manusia bagi membantu akal manusia untuk mengenal dan menghayati hakikat sebenar kewujudan manusia disamping memimpin manusia menuju hidayah Allah SWT (Adanan, 2012). Rasulullah SAW telah menzahirkan sifat *fatonah* (bijaksana) dalam dimensi kepimpinannya menerusi strategi pentadbiran dan pembangunan sebuah negara Islam. Peristiwa-peristiwa yang dihadapi oleh baginda sebagai pengajaran yang perlu dicontohi oleh umat manusia dalam pelbagai aspek khususnya kepimpinan. Allah SWT juga turut menegaskan dan menganjurkan kepada semua manusia untuk menghayati, meneliti dan berfikir tentang kisah-kisah yang dilalui oleh Rasulullah SAW untuk dijadikan iktibar serta tauladan yang bermanfaat seperti mana dalam surah Yusuf ayat 111 :



“Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran Yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang Yang mempunyai akal fikiran. (kisah Nabi-nabi Yang terkandung Dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita Yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa Yang tersebut di Dalam Kitab-kitab ugama Yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan Yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum Yang (mahu) beriman.”

Islam merupakan agama yang *syumul* serta menekankan aspek pemikiran yang berdaya maju serta berwawasan kepada semua manusia. Pemimpin yang dikagumi seharusnya memiliki pengaruh, daya intelektual yang tinggi dan minda yang berdaya maju serta mempunyai objektif yang jelas terhadap matlamat yang ingin diperjuangkan (Robbins dan Judge, 2010). Kepimpinan yang bersifat dinamik berpotensi untuk mempengaruhi pemikiran ahli organisasinya dalam menuju matlamat yang sama (Greenberg, 2011). Namun begitu, Islam tidak sesekali memisahkan antara hubungan logik akal dengan amalan kerohanian yang ditekankan oleh Islam ke dalam diri manusia bahkan turut mengaitkan hubungan keduanya sebagai satu kombinasi yang menjadi

sebagai dasar kepada kesatuan dan keteguhan dalam organisasi pendidikan Islam khususnya (Siti Sarawati, 2011).

Akhlak

Takrifan akhlak adalah meliputi perbuatan, perlakuan, perkataan dan tingkah laku yang baik serta indah yang berpandukan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW (Ismail, 2007). Kenyataan ini bertepatan dengan tujuan baginda diutuskan untuk membentuk dan menyempurnakan akhlak manusia sebagaimana hadis Rasulullah SAW :

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

“*Sesungguhnya aku diutus hanya untuk menyempurnakan kesahihan akhlak.*”

(HR. Ahmad dalam Musnad-nya (no. 8952),

Akhlak Rasulullah SAW menjadi suri teladan bagi seluruh umat manusia menerusi kemuliaan akhlak yang dizahirkan oleh baginda selain berperanan untuk berdakwah dan menyeru umat manusia mentauhidkan Allah SWT (Suraiya, 2011). Selain dari itu, menerusi amalan kerohanian yang dimplementasikan dalam tatacara kehidupan, manusia mampu memelihara dan menzahirkan tingkah laku yang dianjurkan dalam Islam seperti mana yang disunnahkan oleh Nabi Muhammad SAW. Manusia yang berakhlak mulia merupakan manusia yang sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT, mengerjakan amal kebaikan pada setiap masa dan tempat malah tidak berani untuk melakukan perbuatan munkar walau dalam apa sahaja situasi yang dihadapinya. Perasaan seperti ini merupakan impak daripada kesedaran dan tahap keimanan dan ketaatan yang tinggi serta mempercayai bahawa Allah SWT yang menguasai segala tindakan dan perlakuan manusia (Tengku Sarina Aini, 2007). Namun begitu, sebagai manusia biasa adalah tidak terlepas dari melakukan kesalahan dan kesilapan. Oleh itu, manusia dituntut untuk sentiasa mendekati diri kepada Allah SWT dan memohon keampunan dari dosa dan kesilapan yang telah dilakukan (Hamzah & Maitafsir 2002). Penghayatan dan kesedaran yang dikurniakan dalam diri manusia merupakan salah satu bentuk nikmat dan anugerah melalui hubungan yang terjalin diantara manusia dengan tuhan. Kedudukan jiwa manusia yang terpelihara dari unsur kejahatan adalah berpandukan dari peranan hati yang sentiasa berharap kepada tuhan serta memandu akal untuk menganalisis dan membuat pilihan dan perbandingan antara perkara baik dan buruk yang dicerminkan melalui akhlak dan tingkah laku manusia seperti mana yang di jelaskan dalam surah al-Isra' ayat 37 :



“*dan janganlah Engkau berjalan di bumi Dengan berlagak sombong, kerana Sesungguhnya Engkau tidak akan dapat menembusi bumi, dan Engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang.*”

Perkaitan hubungan antara akhlak dan amalan kerohanian dalam diri seorang pemimpin memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan hala tuju dan perjalanan dalam organisasi yang dibina. Melalui tingkah laku dan

akhlak seorang ketua yang berdisiplin berpotensi mendorong ahli organisasi mengimplementasikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan secara maksimum disamping menerapkan amalan ibadah yang berupaya meningkatkan keteguhan iman dan motivasi dalam diri individu selain meningkatkan syiar Islam (Mohd.Nasir, 2005).

Pembangunan Ummah

Hasil perbincangan di atas telah menjelaskan bahawa aplikasi kerohanian dalam konteks kepimpinan Islam khususnya dalam organisasi pendidikan berperanan penting dalam membentuk peribadi dan akhlak manusia seiring dengan mendekati diri kepada tuhan disamping melaksanakan tugas demi mencapai matlamat yang diharapkan (*al-Baqarah :183*). Pengelibatan elemen ketuhanan, akal fikiran dan akhlak menjadi dasar kepada asas *spiritual* (kerohanian) yang berpotensi dalam menjana pembangunan diri manusia seterusnya membina kesatuan dan pembangunan ummah (*al-Fath:29*). Keteguhan iman dan kepercayaan diri yang berpaksikan kepada Allah SWT dalam semua keadaan menjadi petanda dan lambang ketaatan manusia yang tidak berbelah bagi dari dimensi luaran dan dalaman sifat manusia (*al-Baqarah:179*). Cetusan akal fikiran yang dibuahkan melalui peranan hati yang berpendirian teguh kepada tuhan akan mendatangkan hikmah kepada diri manusia menerusi kewarasan dalam berfikir dan membezakan antara perkara yang baik dan buruk (*al-Baqarah:197*). Selain itu, ia turut melambangkan kesempurnaan dalam mengimplementasikan tuntutan Allah SWT disamping dapat melahirkan tubuh badan yang sihat melalui kemuliaan akhlak yang dizahirkan hasil daripada kombinasi dan kestabilan antara tuntutan dunia dan agama (*al-Isra':79*). Oleh itu, pembangunan ummah yang merangkumi fizikal dan sahsiah berupaya memupuk kesejahteraan dan kemakmuran dalam kehidupan masyarakat melalui latihan-latihan ibadah yang diaplikasikan serta diamalkan secara *istiqamah* supaya dapat menguasai akhlak yang terpuji (*al-Fath:29*).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya keteguhan iman dan kepenghayatan diri manusia terhadap amalan kerohanian Islam menjadi teras dalam mencapai matlamat dan kejayaan yang ingin dicipta. Suasana yang harmoni dan jalinan hubungan yang erat diantara satu sama lain merupakan impak yang diterima bukan sahaja terhadap perubahan sikap individu semata-mata, malah turut dilihat menerusi pembangunan dan kesepaduan ummah. Selain dari itu, penerapan amalan kerohanian juga dapat melahirkan generasi yang bertamadun serta menjadi simbol kekuatan bagi umat Islam yang lebih berilmu, beriman dan beramal soleh. Kekuatan-kekuatan tersebut yang berpotensi sebagai benteng dalam diri manusia supaya lebih bersedia menghadapi pelbagai cabaran selain menjana usaha untuk lebih maju ke hadapan disamping melaksanakan tugas secara sistematik demi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim dan terjemahan Lafziyyah. (2015). Percetakan Zafar Sdn.Bhd.

Ahmad Marzuki Mohamad (2013). *Amalan Kepimpinan Islam Pengetua Dan Perkaitannya Terhadap Atribut Komuniti Pembelajaran Profesional*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, tidak diterbitkan.

‘Aidh Bin ‘Abdullah al-Qarni. 2010. *Seolah Engkau Melihat Muhammad Shallahu ‘Alaihi Wasallam*. Terj. Nur Hasanuddin. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

Ajmain @ Jimaain Safar (2012), *Pembinaan Instrumen Pentaksiran Akhlak Berasaskan Rakan Sebaya Pelajaran Sekolah Menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, tidak diterbitkan.

Al-Ghazali (1988). *Ihya’ Ulumuddin*. Jilid 1&2. Edisi Ke 3. Terjemahan Ismail Yakub. Singapura. Pustaka Nasional Pte. Ltd

Al-Ghazali (2009). *Ringkasan Ihya’ Ulumuddin : Terjemahan oleh Zaid Husein Al-Hamid*. Selangor : Darul Nu’man Sdn. Bhd

Arief Salleh bin Rosman (2007). *Islam dan Isu-Isu Semasa*. Skudai: Pusat Pengajian Islam UTM.

Endut, M. N. A. A. (2015). *Pemikiran Futuristik dalam Sirah Nabawiyyah: Aplikasi dalam Kepimpinan Islam*. *Jurnal Usuluddin*, 28(28).

Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2007), “*Pembinaan Insan dan Tamadun Melalui Pembentukan Akhlak Muslim Menurut Perspektif AlQur’an*”, dalam *Islam dan Isu-Isu Kontemporer*. Surabaya: Penerbit eLKAF, h. 292.

Fu’ad Asy Syalhub. 2006. *Guruku Muhammad*. Terj. Nashirul Haq. Lc. Jakarta: Gema Insani.

GHANI, M. D. Z. A., & MANSOR, N. S. B. A. (2006). *Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali*.

Greenberg, J. (2011). *Behavior in organizations*. Pearson.

Hamid, S. A., & Mohamad, A. M. (2016). *Amalan Syura Dalam Kalangan Guru Besar Dan Hubungannya Terhadap Komitmen Kerja Guru*. *Sains Humanika*, 8(3-2).

Hamzah, R., Ibrahim, T. N. T., & Zuki, R. E. A. (2013). *Pembangunan Jiwa Pendidik dalam Kalangan Bakal Pendidik*. *Sains Humanika*, 61(1).

Hamzah, M. D & Maitafsir, M.G. 2002. [atas talian]. *Transpersonal Psychotherapy: The Islamic perspective*. Dipetik pada 31 March 2011 daripada [http:// www.ifew/insight/1408rch/transp.htm](http://www.ifew/insight/1408rch/transp.htm).

Haji Abdul Rahman b. Ahmad (2006), *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Alor Star: Human Resources Academy. hh. 12 - 13.

Ishak, S. (2011). MODEL KEPEMIMPINAN ETIKA BERLANDAS SIRAH NABI MUHAMMAD SAW (Ethical Leadership Model Based on Prophet Muhammad PBUH Biography). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 3(2), 23-44.

Ismail Noor (2007). *Kepimpinan Nabi Muhammad SAW*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

Jasmi, K. A., A., Hamzah, M., & Izham, M. (2010). Faktor Pentadbir dan Pengetua dalam kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (1), 13-20.

Johar, S. S., & Mad Shah, I. (2011). Kecerdasan emosi ketua dalam elemen tadbir urus insan dari perspektif model kerohanian Imam al-Ghazali.

Junoh, A. M., & Noor, K. M. (2012). Kerangka Integriti Kepimpinan Islam: Pengajaran daripada Model Kepimpinan Rasulullah SAW.

Malik, A., & Akhtar, H. (2013). *Komunikasi kepimpinan menurut pandangan Imam al-Ghazali: kajian pelaksanaannya di sekolah-sekolah Alor Gajah, Melaka/Helmi Akhtar Abdul Malik* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).

Mansor, F., & Kassim, T. S. A. T. (2008). Pembangunan modal insan dari perspektif pengurusan Islam. *Journal of Al-Tamaddun*, 3, 85-109.

Mohd. Nasir Omar (2005), *Akhlaq dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributor Sdn. Bhd., hh. 149 – 164

Mohammad, B., Esa, A., Hashim, M. N., Hadi, A., Yusop, M., Hashim, J., & Hussin, N. F. (2008). Pendekatan tauhid dalam kepemimpinan pendidikan Muh. Alwy Al Maliki. 2002. *Insan Kamil (Muhammad S.A.W)*. Edisi Baru Bahasa Malaysia. Terj. Hasan Baharun. Kuala Lumpur: Victory Agency.

Muhammad, S. (2015). Kepimpinan Islam: Satu Agenda Pembangunan Ummah. *Jurnal Usuluddin*, 6(6).

Norasid, M. A. (2015). Manhaj Rabbani oleh Saīd Ḥawwā dalam Pembangunan Modal Insan: Tumpuan kepada Karya Al-Asās fī al-Tafsīr. *Jurnal Usuluddin*, 33(33).

Noor, M. A., Rajikon, B., Muhamat, R., Saadan, R., & Jano, Z. (2015). TEORI GAYA KEPIMPINAN BARAT DIADAPTASI DARIPADA TEORI GAYA KEPIMPINAN ISLAM (AL-QURAN). *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 8(1), 73-92.

Bakar, N. H., Azizan, N. & Ismail, N. (2014). POTENSI QALBU DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN: KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM. *Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* (1), 41-55

Nurazmallail Marni dan Azhar Muhammad (2010). Institusi Pendidikan dalam Institusi-Institusi Islam. Fakulti Tamadun Islam (FTI). Universiti Teknologi Malaysia

Robbins, S. P., Judge, T., & Campbell, T. T. (2010). *Organizational behaviour*. Financial Times Prentice Hall.

Baba, S. (2006). *Pendidikan Rabbani: mengenal Allah melalui ilmu dunia*. Alaf 21.

Salamun, H., & Ahmad, R. H. (2012). Daya Kepemimpinan Rabbani Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Jurnal Internasional Manajemen Pendidikan*, 4(02).

SUDI, S., SHAM, F. M., & YAMA, P. Konsep Kecerdasan Spiritual Islam dan Barat.

Taib, M. R. (2016). KEPIMPINAN ULUL AL-BAB: KAJIAN AWAL DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(2).

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md. Yusoff (2007), "Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak", dalam Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 97.

Wahab, H. A. (2013). *Hubungan pendekatan nilai-nilai positif Guru Besar terhadap sahsiah guru di sekolah rendah Negeri Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Yusuf Al-Qardawi (1993). "Pengertian Tauhid." Kuala Lumpur, Pustaka Salam Sdn.Bhd.

Zulkifli Dahalan, Sofwan Hasbullah, Halipah Hamzah, Ramawan Ab. Rahman, Mohd. Hapiz Mahaiyadin, Mohd. Adib Shujaa' Ahamd & Roshaimizam Suhaimi. 2009. *Sejarah pemikiran dan tamadun Islam*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti.